

03/10/2002

Calon janji khidmat terbaik

KOTA KINABALU, Rabu - Calon Barisan Nasional (BN) di Gaya, Liew Teck Chan, 54, berjanji akan memberi perkhidmatan terbaik dan cemerlang kepada rakyat di Gaya apabila memenangi pilihan raya kecil itu kelak.

Sambil menyatakan agak terkejut apabila mengetahui dipilih sebagai calon, Liew berkata, pengalaman 17 tahun dalam politik akan digunakan sepenuhnya untuk memberi khidmat cemerlang kepada rakyat.

Dalam pada itu, beliau berterima kasih kepercayaan pemimpin BN, terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi peluang kepadanya menjadi calon.

"Saya akan terus memberi perkhidmatan cemerlang kepada penduduk di Gaya seperti dilakukan wakil rakyat sebelum ini. Tugas yang diberi berat...tapi pengalaman selama 17 tahun dalam politik akan digunakan sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas diumumkan sebagai calon pada itu oleh Ketua Menteri merangkap Pengerusi BN Sabah, Datuk Chong Kah Kiat, di pejabat BN di Putatan, di sini hari ini.

Liew yang juga Naib Presiden SAPP dan Ketua Bahagian SAPP Likas memiliki diploma Pengurusan Hotel dan Ekonomi, terbabit dalam industri perhotelan sebelum menceburi politik pada 1986.

Sepanjang dalam politik, beliau pernah menyandang jawatan Pemimpin Kemajuan Rakyat (PKR) di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas mulai 1991 hingga 1994 sebelum menjadi Setiausaha Politik tahun kepada Datuk Yong Teck Lee yang ketika itu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan selama dua tahun.

Liew yang mempunyai tiga anak, iaitu seorang perempuan dan dua lelaki, dilantik Setiausaha Politik Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Yahya Hussin pada 1996 hingga 1999.